

# Ci Hui, Hafiq ceriakan negara

Berita Harian (23/6/2022) Page 47

## Malaysia raih emas, perak acara scratch wanita, omnium di India

**Kuala Lumpur:** Pelumba pelapis pasukan trek negara, Nyo Ci Hui, memperagakan kayuhan bertena-ga untuk meraih emas dalam acara scratch wanita pada Kejohanan Berbasikal Trek Remaja Asia ke-28 di New Delhi, kelmarin.

Pelumba kelahiran Perak berusia 18 tahun itu berjaya menge-tepikan cabaran daripada lapan pelumba lain untuk muncul pelumba pertama melintasi garisan penamat dalam perlumbaan se-jauh 7.5 kilometer (km) di Velo-drom Kompleks Sukan Indira Gandhi, New Delhi.

Dalam saingan 30 pusingan itu, pelumba Jepun, Mizuki Ikeda, meraih pingat perak manakala pi-ngat gangsa menjadi milik pelumba Uzbekistan, Sofiya Karimova.

“Seluruh pasukan berasa sangat gembira dengan pencapaian Nyo kerana kegigihan beliau men-jalani latihan dan pada masa yang sama perlu membahagikan masa untuk menduduki peperiksaan SPM yang lalu,” kata pengurus



Ci Hui merayakan kejayaan memenangi emas acara scratch wanita.

pasukan Mohd Saiful Abdul Jalil ketika dihubungi.

Sementara itu, Yong Ann Tung turut menaiki podium selepas mengatasi pelumba senegara Azwa Nabila Abdullah untuk merebut pingat gangsa dalam acara pecut remaja. Emas menjadi rebutan pelumba Korea Selatan apabila Na Yunseo mengecewakan Kim Chaeyeon.

Dalam pada itu, skuad lelaki remaja menambah keceriaan kem negara apabila Mohammad Hafiq Mohd Jafri berjaya membawa pulang pingat perak dalam acara

omnium selepas mengumpul ke-seluruhan 133 mata.

Pingat emas dimenangi oleh pelumba Kazakhstan, Ilya Karabutov, yang memperoleh jumlah 148 mata manakala pingat gangsa menjadi milik Vladislav Troman dari Uzbekistan dengan 126 mata.

Dalam tiga perlumbaan omnium iaitu scratch, tempo dan penyingkiran, Mohammad Hafiq mendahului saingan bersama Karabutov dengan mengumpul 114 mata.

Bagaimanapun, pada saingan akhir omnium iaitu perlumbaan mata, beliau terpaksa akur dengan dominasi kayuhan bertena-ga Karabutov dan Troman.

BERNAMA



Mohammad Hafiq (kiri) bawa pulang perak bagi acara omnium.

(Foto ihsan FB MSN)